UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PANDUAN AMANAH PROFESIONAL AKADEMIK (IMPAK)

PUSAT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK

GLOSARI

(i) **Universiti** merujuk kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

(ii) **Fakulti/Pusat Pengajian** merujuk kepada Pusat Tanggungjawab/ Akademik/ Sekolah/ Institut yang menjalankan atau menguruskan aktiviti akademik pelajar, contohnya pengajaran dan pembelajaran.

(iii) **Pusat Kecemerlangan** (***Centre of Excellence,*** **COE**) merujuk kepada pusat penyelidikan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti untuk dinaik taraf setelah memenuhi kriteria sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan yang ditetapkan oleh Universiti bagi menjalankan penyelidikan bermutu tinggi dan mempunyai kolaborasi dengan agensi luar termasuk institusi antarabangsa. Ia adalah sebuah entiti yang menerajui suatu bidang penyelidikan/perkhidmatan yang terfokus dan diketuai oleh Ketua COE yang dilantik oleh Naib Canselor.

(iv) **Pusat Penyelidikan (*Centre of Research*, COR)** merujuk kepada pusat penyelidikan yang dianggotai oleh satu kumpulan penyelidikan yang melaksanakan kajian dalam bidang tertentu di bawah pengurusan Fakulti yang diketuai oleh Ketua COR yang dilantik oleh Naib Canselor.

(v) **Pusat Industri (*Centre of Industry*, COI)** merujuk kepada pusat yang ditubuhkan melalui kerjasama dengan rakan industri bertujuan menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk penyelidikan dan inovasi, latihan, pembangunan pelajar, perkhidmatan profesional atau lain-lain yang dihasratkan oleh rakan industri serta mendapat sumbangan daripada rakan industri sama ada dalam bentuk wang tunai atau peralatan yang diperlukan bagi tujuan penubuhan pusat ini.

(vi) ***Centre of Society*** **(COS)*/ Living Lab*** merujuk kepada Makmal Hidup yang boleh terdiri daripada Makmal Komuniti (*Community Lab*), Pusat Masyarakat, Pusat Transformasi Komuniti dan lain-lain istilah yang mempunyai fungsi dan tujuan yang sama yang ditubuhkan di kawasan-kawasan strategik tertentu di luar UTHM dengan kerjasama agensi kerajaan atau komuniti setempat. Pusat ini bertujuan mendekatkan UTHM dengan masyarakat bagi membantu mereka, menyelesaikan masalah masyarakat, menjalankan program pemindahan ilmu dan teknologi serta aktiviti-aktiviti lain yang bermanfaat bagi masyarakat setempat.

(vii) **Kumpulan Fokus** (***Focus Group*, FG**) merujuk kepada satu kumpulan penyelidikan yang melaksanakan kajian dalam kumpulan kecil dalam bidang tertentu di bawah pengurusan Fakulti.

(viii) ***Integrated Group*** **(IG)** merujuk kepada satu kumpulan penyelidikan yang melaksanakan kajian dalam kumpulan kecil dalam bidang tertentu di bawah pengurusan *Institute for Integrated Engineering* (I^2E)

(ix) **Staf akademik** merujuk kepada Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Guru Bahasa, Penolong Pengajar, Pengajar dan Felo Industri yang dilantik secara tetap atau kontrak.

(x) **Kredit** merujuk kepada ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

(xi) **Nilai Beban** merujuk kepada jumlah ukuran kuantitatif yang melibatkan semua tugas staf akademik termasuk pengajaran, penyeliaan dan membimbing pelajar menjalankan latihan industri/ praktikum/ mengajar dan projek ilmiah/ tesis sehingga tamat, perkhidmatan, penyelidikan dan pentadbiran.

(xii) **Projek Diploma** merujuk kepada kerja-kerja penyelidikan beserta dengan penulisan ilmiah, disertasi atau tesis yang dilakukan oleh pelajar di peringkat diploma.

(xiii) **Projek Sarjana Muda** merujuk kepada kerja-kerja penyelidikan beserta dengan penulisan ilmiah, disertasi atau tesis yang dilakukan oleh pelajar di peringkat sarjana muda.

(xiv) **Projek Sarjana/ Doktor Falsafah** merujuk kepada kerja-kerja penyelidikan beserta dengan penulisan ilmiah, disertasi atau tesis yang dilakukan oleh pelajar di peringkat pasca siswazah.

KANDUNGAN

PERKARA		Muka Surat
Glosari		1
Kandungan		3
1.0	**Pengenalan**	4
2.0	**Agihan Beban**	6
3.0	**Pengajaran**	8
4.0	**Penyelidikan**	11
5.0	**Perkhidmatan**	13
6.0	**Pentadbiran**	16

1.0 PENGENALAN

1.1 Selaras dengan konsep **empat (4) laluan kenaikan pangkat** staf akademik, wujud keperluan bagi menambah baik Panduan Beban Tugas Staf Akademik yang sedia ada.

1.2 Empat laluan kenaikan pangkat tersebut adalah:

a. Pengajaran

b. Penyelidikan

c. Perkhidmatan

d. Kepimpinan

1.3 Melalui konsep empat laluan kenaikan pangkat yang diperkenalkan, staf akademik terbahagi kepada dua (2) kategori: staf yang mengikut empat laluan dan staf yang tidak mengikut empat laluan seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1: Kategori staf akademik

Kategori	Jawatan	Gred Jawatan
Staf akademik yang mengikut laluan	Profesor	VK 5/6/7
	Profesor Madya	DS 53/54 DV 54
Staf akademik yang tidak mengikut laluan	Pensyarah/ Pensyarah Kanan/ Felo Industri	DS 45/51/52
	Pengajar	DV 41/44/48/52
	Guru Bahasa	DG 41/44/48/52/54
	Penolong Pengajar	DV 29/36/38/40

1.4 Panduan Amanah Profesional Akademik UTHM bertujuan memberi penerangan mengenai beban tugas semua staf akademik yang dinyatakan di **Jadual 1.1** seterusnya membantu perancangan dan pembahagian tugas staf akademik yang merangkumi fungsi dan peranan yang telah ditetapkan oleh universiti.

1.5 Staf akademik diberikan beban tugas yang bersesuaian bagi membolehkan staf akademik membina dan meningkatkan keupayaan kendiri dan kepakaran dalam sesuatu bidang pengajian dan pengkhususan masing-masing.

1.6 **Nilai Beban** adalah berdasarkan **jumlah jam bekerja seminggu** bagi seseorang staf akademik untuk melaksanakan **sebahagian atau kesemua komponen** berikut:

a. **pengajaran** merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran iaitu penglibatan dalam kuliah, tutorial, amali, studio, bengkel dan lain-lain;

b. **penyelidikan** merujuk kepada penyertaan dalam geran penyelidikan, dan penyeliaan serta penilaian projek/ disertasi/ tesis di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah;

c. **perkhidmatan** merujuk kepada penglibatan dalam aktiviti pengkomersilan, Syarikat Terbitan Universiti (STU), pembangunan dan pengurusan harta intelek, perundingan, pengujian, pameran/ persidangan dan khidmat masyarakat; dan

d. **pentadbiran** merujuk kepada lantikan jawatan oleh Universiti atau Fakulti/Pusat secara giliran bagi melaksanakan tanggungjawab pengurusan dan kepimpinan dengan memegang jawatan seperti Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah/Ketua Pusat, Ketua Program, Ketua Jabatan, Ketua Panel Bidang, Ketua Makmal dan jawatan-jawatan lain yang berkaitan.

1.7 Pengiraan nilai beban bagi seseorang staf akademik adalah **minimum 40 jam seminggu**.

1.8 Had **maksimum** nilai beban bagi seorang staf akademik adalah **48 jam seminggu** dan tertakluk kepada **keperluan dan arahan universiti**.

1.9 Pemantauan beban staf akademik ini dilaksanakan secara sistematik melalui Sistem Amanah Profesional Akademik (IMPAK) yang dilaksanakan secara dalam talian di bawah pemantauan pihak Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (CAD) dan dibantu oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM).

1.10 Objektif panduan ini diwujudkan adalah seperti berikut:

a. Memastikan pengurusan pengagihan beban tugas dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

b. Membolehkan pihak pengurusan universiti memantau agar staf akademik mendapat beban tugas yang adil dan saksama.

c. Memastikan beban tugas staf akademik tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh universiti.

2.0 AGIHAN BEBAN

2.1 Agihan nilai beban bagi setiap laluan adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1: Agihan Nilai Beban Berdasarkan Laluan Dan Komponen Beban Bagi Staf Akademik UTHM

Laluan	Komponen dan Nilai Beban Minimum Seminggu (Jam)		Jumlah Nilai Beban Minimum Seminggu (Jam)
Pengajaran	Pengajaran	Penyelidikan, Perkhidmatan, Pentadbiran	40
	24	16	
Penyelidikan	Penyelidikan	Pengajaran, Perkhidmatan, Pentadbiran	40
	24	16	
Perkhidmatan	Perkhidmatan	Pengajaran, Penyelidikan, Pentadbiran	40
	24	16	
Kepimpinan	Pentadbiran	Pengajaran, Penyelidikan, Perkhidmatan	40
	24	16	

2.2 Agihan beban bagi staf akademik yang tidak mengikut sebarang laluan adalah seperti berikut:

Jadual 2.2: Agihan Beban Bagi Staf Akademik Yang Tidak Mengikut Sebarang Laluan

Jawatan	Komponen dan Nilai Beban Minimum Seminggu (Jam)		Jumlah Nilai Beban Minimum Seminggu (Jam)
	Pengajaran	Penyelidikan, Perkhidmatan, Pentadbiran	
Pensyarah, Pensyarah Kanan dan Felo Industri	28	12	40
Guru Bahasa, Penolong Pengajar dan Pengajar	32	8	40

2.3 Walau bagaimanapun, agihan dan penetapan beban dalam **Jadual 2.2** tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan fakulti/pusat pengajian.

2.4 Pegawai Penilai Pertama adalah bertanggungjawab dalam menilai dan meluluskan jam beban staf akademik.

2.5 CAD bertanggungjawab dalam memantau dan melaporkan beban staf akademik di fakulti/ pusat pengajian iaitu sama ada kurang atau berlebihan.

3.0 PENGAJARAN

3.1 Pengajaran merangkumi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

3.2 Bilangan pelajar normal bagi setiap aktiviti (rujuk **Jadual 3.1**) adalah ditetapkan seramai 30 orang. Walau bagaimanapun, aktiviti untuk jumlah pelajar yang kurang atau lebih daripada itu adalah tertakluk kepada kelulusan pengurusan fakulti/pusat pengajian.

Jadual 3.1: Nilai Kredit Bagi Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran

Bentuk Aktiviti	Bil. Jam Pertemuan/ Minggu	Nilai Kredit
Kuliah	1 jam	1
Tutorial	2 jam	1
Makmal/ Bengkel	2 hingga 3 jam	1
Studio/ Projek/ Kerja Lapangan	3 hingga 5 jam	1

3.3 Asas pengiraan Nilai Beban Pengajaran (NBP) merangkumi:

a. **Jam Pertemuan (JT),** berdasarkan jam sebenar aktiviti pengajaran termasuk kuliah, tutorial, amali, studio, bengkel dan aktiviti lapangan yang dilaksanakan sama ada secara fizikal, bersemuka atau dalam talian;

b. **Jam Persediaan (JS),** mengambil kira proses penyediaan aktiviti mengajar bagi kuliah, tutorial, amali, studio, bengkel dan aktiviti lapangan;

c. **Jam Penilaian (JN) ,** mengambil kira proses penilaian kerja kursus dan peperiksaan akhir.

3.4 Pengiraan NBP tidak mengambil kira peringkat pengajian dan bentuk aktiviti (rujuk **Jadual 3.1**).

3.5 Perincian pengiraan NBP ditunjukkan dalam **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2: Nilai Beban Pengajaran Bagi 1 Jam Pertemuan Seminggu
(Pertama Dan Ulangan Dalam Semester Yang Sama)

Aktiviti	JT (Jam)	JS (Jam)	JN (Jam)	NBP = JT + JS + JN (Jam)
Kuliah	1	1	1	3
Tutorial	1	0.5	0.5	2
Amali	1	0.5	0.5	2

3.6 Bagi penilaian kuliah, tambahan 6 minit akan diberikan untuk setiap lebihan pelajar bagi seksyen yang mempunyai lebih daripada 30 orang pelajar.

3.7 Bagi kursus yang melibatkan pelajar/staf OKU, nilai beban pengajaran akan digandakan sebanyak 1.5 kali ganda.

3.8 Bagi seksyen kursus yang diajar bersama (lebih dari seorang staf akademik), purata NBP akan diberikan kepada setiap staf akademik yang mengajar.

3.9 Contoh Pengiraan Nilai Beban Pengajaran:

a. Dua (2) orang staf akademik mengajar Seksyen 1 bagi kursus BWA 31603 (3 jam kuliah dengan 60 orang pelajar).

Nilai Beban Pengajaran:

3 jam kuliah x 3 jam beban + (30 pelajar X 6 minit) = 12 jam

Nilai Beban Pengajaran bagi setiap staf akademik yang mengajar adalah 12/2 = 6 jam

b. Staf akademik mengajar 3 kursus:

Kursus 1 (Sarjana Muda): 1 jam kuliah, 2 jam tutorial, 60 pelajar
Kursus 2 (Sarjana Muda): 2 jam kuliah, 30 pelajar termasuk seorang pelajar OKU
Kursus 3 (Sarjana): 3 jam kuliah, 10 pelajar

Nilai Beban Pengajaran:

Kursus 1: (1 jam kuliah x 3 jam beban) + (30 pelajar x 6 minit) + (2 jam tutorial x 2 jam beban) = 10 jam
Kursus 2: 2 jam kuliah × (3 jam) × 1.5 = 9 jam
Kursus 3: 3 jam kuliah × (3 jam) = 9 jam

Nilai Beban Pengajaran: 28 jam

3.10 Bilangan kursus minimum bagi setiap staf akademik ialah **satu (1) kursus** per semester. **Jadual 3.3** menunjukkan panduan agihan beban pengajaran bagi setiap laluan.

Jadual 3.3: Panduan Agihan Beban Pengajaran Mengikut Laluan

Laluan	Jam Pertemuan Minimum Seminggu	Nilai Beban Pengajaran Minimum Seminggu (Jam)
Pengajaran	8	24
Penyelidikan	2.5	7.5
Perkhidmatan	2.5	7.5
Kepimpinan	1.5	4.5

3.12 **Jadual 3.4** menunjukkan panduan agihan beban pengajaran bagi staf akademik yang tidak mengikut sebarang laluan.

Jadual 3.4: Panduan Agihan Beban Pengajaran Bagi Staf Akademik Yang Tidak Mengikut Laluan

Jawatan	Jam Pertemuan Minimum Seminggu	Nilai Beban Pengajaran Minimum Seminggu (Jam)
Pensyarah, Pensyarah Kanan dan Felo Industri	9 jam 20 minit	28
Guru Bahasa, Penolong Pengajar dan Pengajar	10 jam 40 minit	32

3.13 Walau bagaimanapun, agihan dan penetapan beban pengajaran dalam **Jadual 3.4** tertakluk kepada kelulusan pengurusan fakulti/pusat pengajian.

3.14 Tertakluk kepada keperluan dan arahan universiti, tugasan pengajaran boleh ditambah bagi memenuhi jam pertemuan seminggu (**maksimum 15 jam pertemuan**) sekiranya seseorang staf akademik tidak/ kurang melibatkan diri dalam tugas penyelidikan, perkhidmatan dan pentadbiran.

4.0 PENYELIDIKAN

4.1 Penyelidikan merujuk kepada:

a. penyertaan dalam geran penyelidikan; dan

b. penyeliaan dan penilaian projek/ disertasi/ tesis di peringkat Diploma/ Sarjana Muda/ Sarjana dan Doktor Falsafah.

4.2 Nilai Beban Geran Penyelidikan diambil kira berdasarkan kepada penyertaan geran penyelidikan di peringkat Universiti, Kebangsaan dan Antarabangsa. Nilai beban ini turut merangkumi proses penulisan dan penerbitan artikel dalam jurnal, prosiding dan sebagainya.

4.3 Sekiranya staf akademik mempunyai geran dari luar Universiti (peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa), bukti lantikan geran hendaklah dihantar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) untuk direkodkan di dalam sistem.

4.4 Perincian pengiraan Nilai Beban Geran Penyelidikan ditunjukkan dalam **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1: Nilai Beban Geran Penyelidikan

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Geran)		
	Universiti	Kebangsaan	Antarabangsa
Ketua geran penyelidikan	1.0	2.0	3.0
Ahli geran penyelidikan	0.5	1.0	1.5

4.5 Nilai Beban Penyeliaan dan Penilaian mengambil kira Penyeliaan dan Penilaian Prasiswazah, dan Penyeliaan dan Penilaian Pascasiswazah.

4.6 Bagi sub-komponen Penyeliaan dan Penilaian Pascasiswazah, nilai beban mengambil kira mod pengajian pelajar dan peranan staf akademik tersebut.

4.7 **Jadual 4.2** menunjukkan perincian Nilai Beban Penyeliaan dan Penilaian bagi Projek Diploma dan Sarjana Muda.

Jadual 4.2: Nilai Beban Penyeliaan dan Penilaian Projek Diploma dan Sarjana Muda

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Pelajar)
Penyelia Utama	1
Penyelia Bersama	0.5
Penilai Projek	0.1

4.9 **Jadual 4.3** menunjukkan perincian Nilai Beban Penyeliaan dan Penilaian bagi Peringkat Sarjana.

Jadual 4.3: Nilai Beban Penyeliaan Dan Penilaian Peringkat Sarjana

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Pelajar)					
	Sepenuh Masa			Separuh Masa		
	Mod Penyelidikan	Mod Campuran	Mod Kerja Kursus	Mod Penyelidikan	Mod Campuran	Mod Kerja Kursus
Penyelia Utama	2.0	1.5	1.0	1.0	0.75	0.5
Penyelia Bersama	1.0	1.0	0.5	0.5	0.5	0.25
Penilai Projek dan/atau Tesis	0.3	0.1	0.1	0.3	0.1	0.1

4.10 **Jadual 4.4** menunjukkan perincian Nilai Beban Penyeliaan dan Penilaian bagi Peringkat Doktor Falsafah.

Jadual 4.4: Nilai Beban Penyeliaan Dan Penilaian Peringkat Doktor Falsafah

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Pelajar)			
	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Kerja Kursus	Mod Penyelidikan	Kerja Kursus	Mod Penyelidikan
Penyelia Utama	1.5	3.0	1	1.5
Penyelia Bersama	1.0	2.0	0.5	1.0
Penilai Projek dan/atau Tesis	0.3	0.5	0.3	0.5

5.0 PERKHIDMATAN

5.1 Aktiviti dalam perkhidmatan meliputi penglibatan dalam pengkomersilan, Syarikat Terbitan Universiti (STU), pembangunan dan pengurusan harta intelek, perundingan, pengujian, pameran/ persidangan dan khidmat masyarakat.

5.2 **Pengkomersilan** mengambil kira pengkomersilan harta intelek, teknologi, perkhidmatan, atau produk hasil penyelidikan Universiti. Nilai Beban Pengkomersilan ditunjukkan di **Jadual 5.1.**

Jadual 5.1: Nilai Beban Pengkomersilan

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Produk)		
	Kurang daripada RM10k /Produk	**RM 10k – RM 50k /Produk**	**Lebih RM50k /Produk**
Ketua	2	3	4
Ahli	0.5	1	1.5

5.3 **Harta intelek** merujuk kepada beberapa jenis ciptaan di mana hak eksklusifnya diakui di bawah bidang undang-undang berkaitan. Di bawah undang-undang harta intelektual, pemilik diberikan hak eksklusif tertentu bagi pelbagai aset tidak nyata seperti muzik, penulisan dan karya seni; penemuan dan ciptaan; perkataan dan frasa serta simbol dan reka bentuk. Jenis biasa hak harta intelektual termasuk **paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hak cipta**.

5.4 **Paten** adalah satu hak eksklusif yang dianugerahkan untuk suatu reka cipta, sama ada ianya adalah satu produk atau satu proses untuk melakukan sesuatu yang baharu atau penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah.

5.5 **Cap Dagangan** ertinya apa-apa tanda yang boleh dinyatakan secara grafik yang boleh membezakan barang-barang atau perkhidmatan satu perusahaan dengan perusahaan-perusahaan yang lain. Tanda itu termasuklah apa-apa huruf, perkataan, nama, tandatangan, angka, logo, jenama, tajuk, label, tiket, bentuk barang-barang atau bungkusannya, warna, bunyi, bau, hologram, kedudukan, urutan gerakan atau apa-apa gabungannya. Cap Dagangan dalam Bahasa Inggeris juga disebut sebagai ***trademark*.**

5.6 **Reka Bentuk Perindustrian** adalah ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian iaitu ciri yang ada pada barang siap, merupakan ciri yang menarik dan dinilaikan dengan pandangan mata.

5.7 **Hak cipta** adalah perlindungan yang diberikan kepada penulis, pemilik hak cipta dan pelaku tertakluk di bawah Akta Hak Cipta 1987. Contohnya, penulisan novel, penulisan lirik lagu, lukisan komik dan sebagainya. Hak Cipta dalam Bahasa Inggeris juga disebut sebagai ***Copyright***.

5.8 Nilai Beban Permohonan Harta Intelek hanya diberikan sepanjang proses permohonan harta intelek dan ditunjukkan dalam **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2: Nilai Beban Permohonan Harta Intelek

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Projek)			
	Paten	**Cap Dagangan**	**Reka Bentuk Perindustrian**	**Hak Cipta**
Ketua	1	0.5	0.5	0.5
Ahli	0.5	0.3	0.3	0.3

5.9 **Perundingan** adalah perkhidmatan profesional untuk pihak luar dengan bayaran yuran atau ganti yang bersesuaian, dan biasanya tidak termasuk penyelidikan yang dibiayai oleh kerajaan Malaysia, yang mana tujuan utama pelaksanakan penyelidikan adalah tanpa keuntungan. Perundingan ini tidak termasuk tugas yang biasanya dilakukan oleh staf akademik termasuk penilaian peperiksaan, jaminan kualiti dan panel buku teks.

5.10 Nilai Beban Perundingan ditunjukkan dalam **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3: Nilai Beban Perundingan

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Projek)		
	RM 500 – RM 49k /Projek	**RM50k – RM 99k /Projek**	**Lebih RM 100k /Projek**
Ketua	2	3	4
Ahli	0.5	1	1.5

5.11 **Pengujian** adalah pengujian terhadap sesuatu produk di dalam makmal atau bengkel dalam keadaan terkawal dengan menggunakan peralatan serta kelengkapan yang tertentu dan sesuai dengan jenis produk.

5.12 Nilai Beban Pengujian ditunjukkan dalam **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4: Nilai Beban Pengujian

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Aktiviti)		
	RM 1 – 1000	**RM1000 – RM 5000**	**Melebihi RM 5000**
Ketua	1	1.5	2
Ahli	0.5	0.75	1

5.13 **Persidangan** merujuk kepada penyertaan dan penganjuran persidangan yang dijalankan di peringkat Universiti, Kebangsaan atau Antarabangsa.

5.14 Hasil penyelidikan dan inovasi dalam bentuk suatu barang, prototaip, perisian, laporan atau apa-apa hasil kajian dan seumpamanya yang dipilih menyertai pertandingan dan pameran sama ada dalam atau luar negara turut diambil kira sebagai beban.

5.15 Nilai Beban Persidangan/ Pameran ditunjukkan dalam **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5: Nilai Beban Persidangan/Pameran

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Aktiviti)		
	Universiti	**Kebangsaan**	**Antarabangsa**
Ketua	1	1.5	2
Ahli	0.5	0.75	1

5.16 **Syarikat Terbitan Universiti (STU)** ditubuhkan dengan tujuan untuk mengkomersilkan harta intelek, teknologi, perkhidmatan, atau produk hasil penyelidikan Universiti.

5.17 Nilai Beban Pengurusan STU adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6: Nilai Beban Syarikat Terbitan Universiti

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Jawatan)
Ketua Lembaga Pengarah	8
Ahli Lembaga Pengarah	4

5.18 **Khidmat Masyarakat** adalah aktiviti di luar universiti. Sumbangan yang tidak melibatkan kepakaran namun dapat memberikan impak kepada universiti boleh diambil kira.

5.19 **Jadual 5.7** menunjukkan Nilai Beban Khidmat Masyarakat.

Jadual 5.7: Nilai Beban Khidmat Masyarakat

Khidmat Masyarakat	Nilai Beban Seminggu (Jam/Aktiviti)
Aktiviti Kemasyarakatan	1

6.0 PENTADBIRAN

6.1 Komponen pentadbiran merujuk kepada lantikan jawatan pengurusan oleh Universiti (Naib Canselor dan Pendaftar) atau Fakulti/ Pusat Pengajian.

6.2 Nilai beban maksimum bagi komponen pentadbiran berdasarkan jawatan pelantik yang memberi lantikan seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1: Nilai Beban Maksimum Berdasarkan Jawatan Pelantik

Jawatan	Nilai Beban Maksimum Seminggu (Jam)
Lantikan Universiti oleh Naib Canselor	24
Lantikan Universiti oleh Pendaftar	15
Lantikan Fakulti oleh Dekan	12

6.3 Komponen pentadbiran merangkumi jawatan pengurusan, pengerusi/ahli jawatankuasa dan pembangunan pelajar.

6.4 Senarai jawatan pengurusan bersama nilai beban ditunjukkan dalam **Jadual 6.2**. Kesetaraan jawatan pengurusan boleh dirujuk di Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Jadual 6.2: Nilai Beban Pengurusan

Jawatan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Jawatan)
Penolong Naib Canselor Dekan Pengarah Pengetua Kolej Kediaman dan yang SETARA	24
Timbalan Dekan Timbalan Pengarah Ketua Center of Excellence (COE) Timbalan Pengetua Pengurus Teaching Factory dan yang SETARA	20
Ketua Jabatan, Pengurus Makmal	18
Ketua Center of Research (COR), Ketua Centre of Industry (COI), Ketua Centre of Societies (COS) dan yang SETARA	15
Ketua Program dan SETARA	12
Ketua Panel, Ketua Makmal/ Penolong Pengurus Makmal, Ketua Editor, Ketua *Writing Unit* dan yang SETARA	10
Ketua FG/IG Editor Jurnal dan Prosiding Felo Kolej Kediaman	5

6.5 Bagi lantikan jawatan yang tidak dinyatakan di dalam Garis Panduan, PTj berkenaan perlu memohon secara rasmi kepada CAD berserta deskripsi tugas untuk disetarakan sekiranya sesuai.

6.6 **Jawatankuasa *Task Force* / *Ad-Hoc*** merujuk kepada unit atau formasi yang ditubuhkan untuk bekerja pada tugas atau aktiviti tunggal yang ditakrifkan.

6.7 Selain Jawatankuasa *Task Force*, beban **keahlian Jawatankuasa di fakulti/ pusat pengajian/ universiti (lantikan dari sebarang PTj)** turut diambil kira.

6.8 Pihak PTj perlu mengemukakan permohonan beban berserta deskripsi tugas jawatankuasa kepada pihak CAD untuk kelulusan. Kelulusan dan nilai beban adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan CAD.

6.9 Had bilangan yang ideal bagi seorang staf akademik adalah **maksimum 3 Jawatankuasa di Fakulti/Universiti.**

6.10 Walaubagaimanapun, keahlian Jawatankuasa yang disandang bersama jawatan tidak diambil kira dalam pengiraan nilai beban.

6.11 Pengiraan nilai beban bagi keanggotaan jawatankuasa mengambil kira **aktiviti semasa jawatankuasa terbabit.**

6.12 **Jadual 6.3** menunjukkan Nilai Beban bagi Keanggotaan Jawatankuasa.

Jadual 6.3: Nilai Beban Bagi Jawatankuasa

Jawatan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Jawatan)
Ketua Jawatankuasa *Task Force*/ AdHoc dan SETARA	5
Ahli Jawatankuasa *Task Force*/ AdHoc dan SETARA	3
Pengerusi bagi JK di Fakulti/Universiti dan SETARA	5
Ahli Jawatankuasa di Fakulti/Universiti dan SETARA	3

6.13 Nilai beban bagi **penyelaras kursus** diberi berdasarkan bilangan seksyen yang diselaras. Bagi kursus yang mempunyai **lebih daripada sepuluh (10) seksyen**, fakulti/ pusat pengajian boleh melantik seorang pembantu penyelaras kursus.

6.14 Nilai Beban bagi Penyelaras Kursus dipaparkan di **Jadual 6.4.**

Jadual 6.4: Nilai Beban bagi Penyelaras Kursus

Jawatan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Jawatan)
Penyelaras Kursus ≤ 5 seksyen 6 – 10 seksyen 11 – 15 seksyen 16 – 20 seksyen > 20 seksyen	 1 2 3 4 5
Pembantu Penyelaras Kursus 11 – 15 seksyen 16 – 20 seksyen > 20 seksyen	 1.5 2 2.5

6.15 Komponen pembangunan pelajar merujuk kepada peranan staf akademik dalam membantu pelajar membina sahsiah diri. Ini termasuk penyeliaan Latihan Industri, Latihan Mengajar dan *Work Based Learning* (WBL), khidmat penasihatan akademik dan kerjaya, penyelaras aktiviti pelajar dan mentor program.

6.16 Penyelaras/ Penasihat Kelab/ Persatuan/ Kolej Kediaman/ Badan Beruniform dilantik untuk memberi penasihatan berkaitan aktiviti dan program kelab/ persatuan/ badan beruniform/ kolej kediaman yang berdaftar dengan Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

6.17 Ahli Jawatankuasa Kelab/ Persatuan/ Kolej Kediaman/ Badan Beruniform membantu penyelaras/ penasihat sebagai ahli jawatankuasa yang khusus kepada sesuatu biro atau tugas atau tanggungjawab (Contoh: Biro Latihan atau Biro Tajaan).

6.18 **Jadual 6.5** menunjukkan Nilai Beban bagi Pembangunan Pelajar.

Jadual 6.5: Nilai Beban Pembangunan Pelajar

Peranan	Nilai Beban Seminggu (Jam/Pelajar)
Penyeliaan LI/LM/WBL (Pelajar UTHM)	0.25
Penyeliaan LI (Pelajar *inbound*)	1
Penasihat Akademik dan Kerjaya (PAK)	0.2
PAK bagi pelajar OKU	0.4
Pegawai Pengiring Program/ Penyelaras Aktiviti Pelajar	0.25
Jurulatih/Fasilitator/Mentor Program Pelajar (Sukan, Debat, Kebudayaan dan sebagainya)	0.2
Jawatan	**Nilai Beban Seminggu (Jam/Jawatan)**
Penyelaras/Penasihat Kelab/Persatuan/ Kolej Kediaman/Badan Beruniform	5
Ahli Jawatankuasa Kelab/Persatuan/Kolej Kediaman/Badan Beruniform	3